



Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
(Secretary General Ministry of Youth and Sports Malaysia)
Aras 15, Menara KBS (Level 15, KBS Tower)
No. 27, Persiaran Perdana
Presint 4 (Precint 4)
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
(Federal Government Administrative Centre)
62570 PUTRAJAYA

Tel : 03-88713018
Fax : 03-88888719
E-mail : mohid@kbs.gov.my

Rujukan kami : KBS.S.1-18/2 Jld 2 (4)

Tarikh : 15 Disember 2011

Semua Jabatan / Agensi / Bahagian
Di Bawah Kementerian Belia dan Sukan

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
BIL. 4 TAHUN 2011**

**DASAR DAN GARIS PANDUAN
PENGURUSAN PERALATAN RANGKAIAN BAGI
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS) MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian telah meminda Dasar dan Garis Panduan Pengurusan Peralatan Rangkaian yang menggariskan panduan mengenai semua pengurusan dari segi perolehan, peningkatan, pemasangan, pentauliahan, penyelenggaraan, pentadbiran dan pemantauan peralatan rangkaian mengikut piawaian yang ditetapkan bagi KBS dan Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KBS termasuk semua IKTBN/IKBN, JBS Negeri, PBSB, KOMBES, KRM dan APBM mengikut piawaian yang ditetapkan dan mendapat kelulusan Jawatan Kuasa Pemandu ICT, KBS. Dasar dan Garis Panduan ini merupakan asas yang dapat membantu Ketua Bahagian/Jabatan/Agensi di Ibu Pejabat dan Agensi di bawah KBS membuat perancangan berkenaan pengurusan rangkaian masing-masing.

3. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Bahagian/Jabatan/Agensi diminta mengambil tindakan dan langkah-langkah sewajarnya serta memastikan peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam dasar dan garis panduan ini dipatuhi, dilaksanakan dan dipantau sepenuhnya dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATO' MOHID BIN MOHAMED)

“1 BELIA, 1 MALAYSIA”

DASAR PENGURUSAN PERALATAN RANGKAIAN BAGI KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)

1. Semua perolehan, pemasangan, pentauliahan, pentadbiran, penyelenggaraan dan pemantauan peralatan Rangkaian Setempat (LAN) dan Rangkaian Kawasan Kampus (CAN) untuk Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah KBS termasuk semua Institut Kemahiran Belia Negara (IKTBN/IKBN), Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri, Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD), Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES), Kompleks Rakan Muda (KRM) dan Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) akan dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat. Bagi Putrajaya Campus Network (PCN) dan Rangkaian Kawasan Luas (WAN) melalui 1Gov*Net adalah di bawah pengawasan, seliaan dan tanggungjawab Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU).
2. Semua perolehan pembangunan/peningkatan infrastruktur rangkaian bagi bangunan baru atau lama hendaklah mengikut standard piawaian seperti di dalam Garis Panduan dan perlu mendapat kelulusan Jawatan Kuasa Pemandu ICT, KBS. Ini bertujuan bagi mengukuhkan aspek keselamatan, pengurusan secara menyeluruh dan dipantau/selenggara dengan teratur mengikut piawaian yang ditetapkan.
3. Rangkaian tanpa wayar hanya dibenarkan di dalam kawasan pejabat setelah mendapat kelulusan JPICT KBS serta perlu mematuhi surat KSN Bil. UPTM (S) 159/338/8 Jld 30 (84) bertarikh 20 Oktober 2006 berkaitan dengan "Langkah-langkah Untuk Memperkukuhkan Keselamatan Rangkaian Setempat Tanpa Wayar (Wireless Local Area Network) Di Agensi-Agensi Kerajaan" dan juga Malaysian Public Sector Management of Information and Communications Technology Security Handbook (MyMIS).
4. Tempoh jaminan peralatan rangkaian mestilah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun, manakala bagi kabel fiber optik dan UTP sekurang-kurangnya 15 tahun.

5. Bilik *Server* mestilah diadakan di semua agensi di bawah kawalan KBS yang mempunyai bangunan sendiri. Manakala agensi yang tidak mempunyai bangunan sendiri dan bilangan pengguna tidak melebihi 20 orang, satu ruang khas perlu disediakan bagi menempatkan peralatan rangkaian.
6. *Virtual Local Area Network* (VLAN) perlu diwujudkan dalam konfigurasi LAN bagi Jabatan/Institusi/Agensi yang mempunyai pengguna lebih dari 50 orang. VLAN mestilah selaras dan mendapat kelulusan dari BPM, KBS.
7. Dokumentasi mengenai pendawaian perlu diadakan dan dikemas kini sekiranya terdapat perubahan pada pendawaian.

DASAR PENGURUSAN PERALATAN RANGKAIAN BAGI KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)

1. TUJUAN

Garis Panduan ini mengandungi piawaian dalam pengurusan dari segi perolehan, pemasangan, pentauliahan, penyelenggaraan, pentadbiran dan pemantauan peralatan rangkaian mengikut piawaian yang ditetapkan bagi KBS dan Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KBS termasuk semua IKTBN/IKBN, JBS Negeri, PBSB, KOMBES, KRM dan APBM.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Mulai 03 Ogos 2011, pelaksanaan dan pengurusan rangkaian kawasan luas (WAN) Kementerian Belia dan Sukan adalah di bawah seliaan dan tanggungjawab MAMPU dengan terlaksananya Projek Pelaksanaan 1Gov*Net bagi sektor awam. Ibu pejabat KBS, semua IKTBN/IKBN, JBS Negeri / PBSB / KOMBES / KRM dan APBM serta termasuk agensi di bawah KBS (PJS, MSN, ISN, KSN dan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia) telah dan akan dirangkaikan melalui 1Gov*Net.

2.2 Kemudahan Infrastruktur Rangkaian Setempat (LAN) dan Rangkaian Kawasan Kampus (CAN) di Jabatan / Institusi / Agensi ini dibangunkan bagi membolehkan sistem e-mel, capaian Internet, Intranet dan penggunaan aplikasi Kerajaan Elektronik (EG), portal dan lain aplikasi di dalam talian berfungsi dengan lancar dalam menjalankan kerja-kerja rasmi seharian.

2.3 Selaras dengan hasrat ke arah pelaksanaan Kerajaan Elektronik (EG), program pengkomputeran dirangka untuk meningkatkan kualiti pentadbiran dan mutu perkhidmatan untuk mencapai visi, misi, objektif dan fungsi Kementerian secara keseluruhan di dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan cekap dalam sistem penyampaian kepada rakyat.

2.4 Dasar ini telah diluluskan oleh JPICT Bil. 4/2011 yang bersidang pada 30 November 2011 dan telah berkuat kuasa mulai 01 Disember 2011.

3. PIAWAIAN RANGKAIAN

3.1 Piawaian kemudahan infrastruktur rangkaian diwujudkan bagi memastikan pendawaian infrastruktur rangkaian yang dipasang di Jabatan / Institusi / Agensi di bawah kawalan Kementerian mengikut piawaian standard dalam usaha menjamin keselamatan, kestabilan dan mudah dicapai dalam penggunaan sistem komunikasi. Piawaian standard ini merangkumi bilik server, pendawaian kabel, peralatan rangkaian, perkhidmatan, pemasangan dan penyelenggaraan bagi Rangkaian Setempat (LAN), Rangkaian Kampus (CAN) dan Rangkaian Luas (WAN).

a) Rangkaian Kawasan Luas (WAN)

Ibu Pejabat KBS dan semua IKTBN/IKBN, JBS Negeri, PBSB, KOMBES, KRM dan APBM serta termasuk agensi di bawah KBS (PJS, MSN, ISN, KSN dan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia) adalah di rangkaian melalui satu rangkaian kawasan luas (WAN) yang dikenali sebagai 1Gov*Net menggunakan talian suwa.

b) Pendawaian LAN dan CAN

i) Pendawaian Fiber Optik

Pendawaian Fiber Optik (*indoor/outdoor*) digunakan bagi rangkaian di lokasi jarak jauh iaitu lebih dari 100 meter dan juga sebagai *backbone* bagi bangunan bertingkat atau sambungan ke blok-blok berasingan.

- Dalaman (Indoor)

Fibre Optik *Indoor multimode/singlemode* bagi kegunaan dalaman bangunan

- Luaran (Outdoor)

Fibre Optik *Outdoor multimode/singlemode* bagi kegunaan sambungan antara blok/bangunan

Pendawaian ini mestilah menggunakan kaedah *Star Topology* atau lain-lain kaedah terkini yang mana sekiranya salah satu rangkaian gagal berfungsi (*down*) rangkaian lain berfungsi seperti sedia biasa.

- ii) Pendawaian *Untwisted Pair Cable* (UTP)

Pendawaian untuk Rangkaian Data Setempat (*Local Area Network*) dalam lingkungan 100 meter mestilah lengkap menggunakan *Untwisted Pair Cable* (UTP), *modular jack*, *face plate* dan lain-lain peralatan berkaitan dengan pemasangan kabel.

- iii) Kerja-kerja pendawaian mestilah menggunakan piawaian yang telah ditetapkan bagi kerja-kerja infrastruktur pendawaian seperti berikut:

- ANSI/TIA/EIA Cabling Standards
- ANSI/ICEA Cabling Standards
- ISO/IEC Cabling Standards
- CENELEC Cabling Standards
- IEC Cabling Standards
- Dan lain-lain yang berkaitan

- iv) Semua kerja dan *material* mestilah mematuhi kepada kaedah-kaedah dan syarat-syarat *National Fire Protection Association*, *Local Electrical Code* dan *present standard manufacturing*.

- v) Semua kabel pendawaian mestilah di label dan di tandakan mengikut standard yang ditetapkan.

- vi) Dokumentasi mengenai pendawai perlu diadakan dan dikemas kini sekiranya terdapat perubahan pada pendawaian.

- vii) Tempoh jaminan pendawaian adalah sekurang-kurangnya dua puluh (20) tahun.

c) Rangkaian Tanpa Wayar

- i) Rangkaian tanpa wayar hanya dibenarkan di dalam kawasan pejabat setelah mendapat kelulusan JPICIT KBS serta perlu mematuhi surat KSN Bil. UPTM (S) 159/338/8 Jld 30 (84) bertarikh 20 Oktober 2006 berkaitan dengan “Langkah-langkah Untuk Memperkukuhkan Keselamatan Rangkaian Setempat Tanpa Wayar (Wireless Local Area Network) Di Agensi-Agensi Kerajaan” dan juga Malaysian Public Sector Management of Information and Communications Technology Security Handbook (MyMIS).
- ii) Pemasangan rangkaian tanpa wayar mestilah dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti dengan mendaftar *MAC address* komputer peribadi atau komputer bimbit yang ditentukan sahaja.

d) Bilik Server

- i) Bilik *Server* mestilah diadakan di semua agensi di bawah kawalan KBS yang mempunyai bangunan sendiri.
- ii) Agensi yang tidak mempunyai bangunan sendiri dan bilangan pengguna tidak melebihi 20 orang, satu ruang khas perlu disediakan bagi menempatkan peralatan rangkaian.
- iii) Pemilihan Bilik *Server*/Ruang Peralatan yang selamat adalah penting bagi mengurangkan kesan bencana seperti banjir, kebakaran, gempa bumi dan capaian yang tidak dibenarkan.
- iv) Kawalan fizikal yang perlu adalah seperti perlindungan daripada kebakaran, perlindungan daripada air, kawalan persekitaran dan kawalan akses.

e) Peralatan Rangkaian

- i) Semua IKTBN/IKBN, JBS Negeri, PBSN, KOMBES, KRM dan APBM serta termasuk agensi di bawah KBS (PJS, MSN, ISN, KSN dan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia) yang telah dirangkaian melalui 1Gov*Net akan dibekalkan dengan peralatan seperti Router, NTU, Minimux dan Bandwidth Manager (bergantung kepada lebar jalur yang dibekalkan). Manakala peralatan rangkaian yang lain seperti Switch, Wireless Access Point, Penapis Kandungan (*content filtering*) dan sebagainya adalah di bawah pengawasan dan seliaan KBS.
- ii) Semua peralatan di atas mestilah ditempatkan ke dalam rak yang berkunci dan terjamin keselamatannya.
- iii) *Switch* mestilah berkeupayaan dengan teknologi terkini seperti *manageble*, serasi dengan IPv6 dan lain-lain.
- iv) Tempoh jaminan peralatan sekurang-kurang tiga (3) tahun.

f) Konfigurasi Rangkaian

- i) *Virtual Local Area Network* (VLAN) perlu diwujudkan dalam konfigurasi LAN bagi Jabatan/Institusi/Agensi yang mempunyai pengguna lebih dari 50 orang. VLAN mestilah selaras dan mendapat kelulusan dari BPM, KBS.

4. PENGECUALIAN

Agensi Majlis Sukan Negara (MSN), Institut Sukan Negara (ISN) dan Kompleks Sukan Negara (KSN) adalah terkecuali dari dasar ini dari segi perolehan sahaja.

5. PENUTUP

Semua Ketua Bahagian dan Jabatan/Agensi hendaklah merujuk kepada Dasar ini dalam melaksanakan pelaksanaan/peningkatan rangkaian di Bahagian / Jabatan / Agensi masing-masing bagi memastikan keselamatan, kestabilan dan mudah dicapai dalam penggunaan sistem komunikasi.